



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 59  
No. 26

**21hb Disember 2006**

*TAMBAHAN No. 19  
PERUNDANGAN*

---

**Sel. P.U. 36.**

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47 DAN PEMBATALAN  
FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 50(1)

Menurut seksyen 47, 48 dan subseksyen 50(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

### **Pembatalan fatwa**

2. Fatwa yang disiarkan dalam Sel. P.U. 35 pada 12 Disember 2006 dibatalkan.

## ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47 AND REVOCATION OF FATWA  
UNDER SUBSECTION 50(1)

PURSUANT to section 47, 48 and subsection 50(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the Fatwa Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the Fatwa as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

## Revocation of *fatwa*

2. *Fatwa* as published in Sel. P.U. 35 on 12 December 2006 is revoked.

### JADUAL/SCHEDULE

#### USAHA-USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA AL-ARQAM MELALUI SYARIKAT RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD. (SRC) DAN RANGKAIAN SYARIKAT GABUNGAN

### 1. AJARAN DAN AMALAN AHLI SRC YANG BERCANGGAH DENGAN AQIDAH

- 1.1 Mendakwa bahawa Ashaari bin Muhammad adalah **Sahibul Zaman (Mujaddid)**, manakala Syeikh Muhammad al-Suhaimi pula sebagai **Imam Mahdi**. Ashaari mempunyai kelebihan **meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku** pada masa hadapan. Setiap ramalan tersebut dianggap oleh jemaah SRC sebagai sebahagian daripada jadual Tuhan untuk memberi kemenangan kepada mereka.
- 1.2 Mendakwa Ashaari **mendapat ilmu secara langsung** daripada **Syeikh Muhammad al-Suhaimi dan Rasulullah S.A.W.** berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Beliau dikatakan **mendapat ilmu terus dari Allah** (ilham, ilmu ladduni atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain. Ilham dari Tuhan datang kepadanya seperti air sungai yang mengalir.
- 1.3 Mendakwa ahli jemaah yang banyak menghayati minda beliau dan dapat melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengannya. **Minda Abuya** dikatakan adalah **wahyu dari Tuhan**. Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan menghantar Ashaari, Imam Mahdi Syeikh Muhammad al-Suhaimi dan Nabi Isa A.S yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan jadual Tuhan.
- 1.4 Mendakwa minda Abuya difahami sebagai **intisari Quran dan hadith** dan **Abuya** adalah **orang Tuhan** yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya. Dengan itu, tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith kerana minda sudah lengkap. Jemaah SRC **dibantu dan dilindungi** oleh para **Rijal Ghaib** yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh muqaddas (roh suci para ahli jemaah yang telah meninggal dunia).
- 1.5 **Bertawassul kepada Abuya** ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan. Abuya dikatakan akan menghantar bantuan menggunakan jin Islam atau karamahnya. **Allah akan memberitahu Abuya** tentang **musibah sakit** yang dialami oleh ahli jemaah SRC. Sekiranya sakit tersebut tidak bertanggung oleh ahli jemaah, Abuya boleh meminta agar Allah meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh ahli jemaah.

- 1.6 Mendakwa bahawa Abuya mempunyai kelebihan untuk **menangguhkan ajal** sekiranya ahli jemaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa dan boleh meminta Allah menggantikan ajal kepada ahli jemaah lain yang telah sempurna iman dan taqwa. Sewaktu ahli jemaah sedang nazak, Abuya akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala dengan mengajarkan talkin.
- 1.7 Mendakwa sewaktu ahli jemaah sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, Abuya akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat bagi pihak ahli jemaah. Sewaktu di padang mahsyar, Abuya menunggu-nunggu untuk memberikan syafaatnya kepada para pengikutnya.

## 2. AJARAN DAN AMALAN AHLI SRC YANG BERCANGGAH DENGAN SYARIAT ISLAM

- 2.1 Mendakwa **ibadat sembahyang jumaat** pada mereka adalah **tidak wajib** kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi. Apabila Imam Mahdi muncul dan membentuk kerajaan barulah ibadat sembahyang jumaat menjadi wajib.
- 2.2 Mempercayai bahawa Sahibul Zaman (Haji Ashaari bin Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana **ilmunya datang terus dari Allah dalam bentuk ilham**.
- 2.3 Mempercayai bahawa orang yang berjuang dengan mempunyai **minda Abuya** adalah **lebih tinggi pahala dan darjatnya** jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda dalam perjuangan. Seorang ahli ibadah ('Abid) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana tidak mempunyai minda (wahyu) dan tidak boleh menjadi khalifah.
- 2.4 Mendakwa bahawa Al-Quran yang ada sekarang hanya tinggal mashaf dan lafaz sahaja. Roh Quran telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada mujaddid (Haji Ashaari bin Muhammad).
- 2.5 Mendakwa bahawa sembahyang sehari semalaman hanya **tiga waktu sahaja** iaitu Subuh, Sembahyang jamak antara Zohor dan Asar serta Maghrib dan Isyak.
- 2.6 Mendakwa bahawa segala amalan baik di dunia **tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya** walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadat haji.
- 2.7 Mendakwa bahawa **Duduk semajlis dengan Abuya** pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang tahjud sepanjang hayat.
- 2.8 Mendakwa bahawa beramal dengan Aurad Muhammadiyah sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya. Dengan mengamalkan Aurad Muhammadiyah, para jemaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara

rohaniah oleh Abuya.

2.9 Amalan Aurad Muhammadiyah akan terbatal sekiranya para jemaah melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya.

2.10 Mengamalkan zikir agung ( **الذکر الأعظم** ) yang terkandung di dalamnya unsur tawassul, menyeru roh orang yng telah mati serta mendakwa bahawa al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

- (... و خصوصا إلى حضرة سيدي الشيخ محمد بن عبدالله السحيمي الإمام المهدي... )  
- (... أحضروا يا سيدي الشيخ محمد السحيمي (3 كالي ساتو نفس) ساي مينتا دأجر كن كند ساي كرامة فنجد سوندا دان تفكر كن بادن ساي درفد سنجاتا دان موسوه دغن إذن الله تعالى).

### 3. AJARAN DAN AMALAN AHLI SRC BERCANGGAH DENGAN AKHLAK DAN ETIKA BERMASYARAKAT

3.1 Mendakwa bahawa ulama yang ada sekarang adalah **ulama kitab atau ulama hafalan** yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Manakala Sahibul Zaman pula, ilmunya datang terus dari Tuhan.

3.2 Mendakwa bahawa orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Phd adalah **tidak bermanfaat** kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman.

3.3 Memandang rendah kepada para ulama sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak seberapa berbanding dengan ilmu orang Tuhan (Haji Ashaari bin Muhammad).

3.4 Mendakwa bahawa Allah melarang ulama yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujaddid yang berwatak Rasul.

4. Ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh ahli jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah **menyeleweng** daripada ajaran Islam.

5. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

6. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, perubatan, pembinaan,

pertanian, perladangan, telekomunikasi atau apa-apa aktiviti lain yang berhubungkait dengan SRC dan apa-apa ajaran yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

7. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Kumpulan al-Arqam sama ada melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC), rangkaian syarikat gabungannya atau mana-mana pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
8. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang disebut di dalam subperenggan (2), (3) dan (4) adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
9. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman Kumpulan al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli Jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam dan ahli jamaah SRC adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam; atau
10. Apa-apa jua bahan publisiti yang menonjolkan ajaran Kumpulan al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam dan ahli jamaah SRC dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan.

Bertarikh 15 Disember 2006

Dated 15 December 2006

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ *By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID  
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/  
*Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*